



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2014/2015

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SJ 4307

Nama Kursus : Undang-Undang Keluarga Islam

Tahap Kursus : Sarjana Muda

Masa : 3 jam

Peringatan:

Jawab empat soalan sahaja, termasuk soalan pertama dan kedua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama (15 Markah) Wajib.

Dalam Mahkamah Tinggi Syariah, tertuduh didakwa atas kesalahan di bawah **bab 124 Undang-Undang Keluarga Islam** kerana **melafazkan talaq di luar Mahkamah** tanpa kebenaran Mahkamah dan atas kesalahan di bawah **bab 125(1)**;

Berpandu kepada kenyataan di atas, sila jawab soalan berikut:

1. Jelaskan maksud ungkapan: “melafazkan talaq di luar Mahkamah”.
(4 markah)
2. Huraikan kaitan ungkapan itu dengan kesahihan talaq ?
(4 markah)
3. Berdasarkan bab 124 dan 125(1), jelaskan hukuman yang dijatuhkan kepada tertuduh.
(4 markah)
4. Nyatakan jenis kes.
(3 markah)

Soalan Kedua (15 Markah). Wajib.

1. Nyatakan tempoh ‘iddah bagi isteri yang diceraikan dalam pelbagai keadaan sebagaimana dinyatakan di bawah. Jawapan hendaklah disertai dengan dalil naqli atau aqli:
 - a) Isteri berumur 7 tahun qamariyyah.
 - b) Isteri hamil 7 bulan. Bekas suaminya meninggal dunia sebulan selepas itu.

- c) Isteri diceraikan selepas selesai majlis akad nikah.
- d) Isteri sudah putus haid tetapi keluar darah haid setelah sebulan bercerai.
- e) Isteri dalam keadaan nifas.

(5 markah)

2. Jelaskan maksud harta sepencarian dan sejauhmana kuasa mahkamah terhadap harta tersebut apabila membenarkan sesuatu perintah perceraian.

(5 markah)

3. Ibu adalah orang yang paling layak menjaga anaknya yang belum mumayyiz, tetapi kelayakannya gugur dalam keadaan tertentu. Sila nyatakan lima perkara yang mengekalkan kelayakannya.

(5 markah)

Soalan Ketiga (15 Markah)

1. Pertunangan adalah suatu fasa yang dituntut oleh syara' sebelum melangkah ke gerbang perkahwinan. Walaubagaimanpun dalam keadaan tertentu, peminangan dilarang oleh Syara'. Sila jelaskan keadaan tersebut.

(5 markah)

2. Islam menggalakkan perkahwinan kerana mengandungi faedah dan kebaikan bagi individu dan masyarakat. Sila nyatakan lima faedah utama yang akan diperolehi oleh umat Islam daripada pensyariatan perkahwinan.

(5 markah)

3. Akta Undang-Undang Keluarga Islam memperuntukkan agar setiap lelaki Islam yang ingin berkahwin untuk menghadapkan permohonan perkahwinan kepada Pendaftar. Kecuali dalam tiga keadaan tertentu di mana permohonan perlu dirujuk dan mendapat kebenaran dari Hakim Syar'ie. Jelaskan.

(5 markah)

Soalan Keempat (15 Markah)

1. Di antara syarat bakal isteri ialah bukan mahram. Sila jelaskan perempuan yang tergolong dalam mahram susuan (*radha'ah*) dan mahram pertalian perkahwinan (*mushaharah*).

(5 markah)

2. Tidak berta'*liq* adalah salah satu syarat *sighah* nikah. Namun dalam perkahwinan di Brunei Darussalam, para suami akan melafazkan *ta'liq* selepas

akad nikah. Sila jelaskan status nikah mereka dan peruntukan dalam seksyen 21 dan 22 Undang-Undang Keluarga Islam.

(5 markah)

3. Apabila wali nasab tidak dapat melaksanakan akad nikah kerana sesuatu keuzuran, maka diganti oleh wali hakim. Sila nyatakan lima keadaan yang membolehkan wali hakim melaksanakan akad nikah.

(5 markah)

Soalan Kelima (15 Markah)

1. Perkahwinan boleh dibubarkan secara fasakh dan khulu'. Nyatakan alasan-alasan yang membolehkan mahkamah membubarkan perkahwinan melalui kedua-dua cara itu.

(5 markah)

2. Seorang suami menceraikan isterinya semasa suci;

a) Nyatakan hukum talaq dalam keadaan sedemikian.

b) Bila sesuatu perceraian itu dikategorikan sebagai *talaq bid'ie* ?

(5 markah)

3. Jelaskan prosedur yang patut dilakukan oleh seorang Pendaftar apabila hal ruju' dihadapkan kepadanya.

(5 markah)